

# Lelaki asing tinggal lebih tempoh dipenjara dan diusir

**MIRI:** Seorang lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara lima bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan tinggal di negeri ini melebihi tempoh sah dibenarkan.

Hakim Afidah Abdul Rahman turut memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran setelah selesai menjalani hukuman penjara.

Muhammad Toriq dari Indonesia, didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan dihukum di bawah Seksyen 15 (4) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh telah ditahan pada jam 11.30 malam, 28 Februari lalu di sebuah lot di Taman Gilbert di sini untuk tujuan pemeriksaan kerana dipercayai warga asing.

Hasil pemeriksaan mendapati tertuduh merupakan

warga negara Indonesia dan masih tinggal di negeri ini selepas pas lawatan sosial yang dikeluarkan kepadanya tamat tempoh sah.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan dibawa ke Balai Polis Pusat Miri untuk tindakan lanjut.

Sementara itu dalam kes berasingan di Mahkamah Majistret di sini, Majistret Ashok Linggam mengenakan denda RM3,000 atau empat bulan penjara ke atas Muhammad Toriq yang telah mengaku bersalah atas pertuduhan bermain judi dalam talian di tempat awam.

Kesalahan dilakukan tertuduh pada masa dan di tempat yang sama.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289) yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.